



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

APLIKASI KONSEP RENCAH DALAM KOMPOSISI *ART SONG* MENGGUNAKAN PUISI MELAYU TERPILIH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

APLIKASI KONSEP RENCAH DALAM KOMPOSISI ART SONG MENGGUNAKAN PUISI MELAYU TERPILIH

MOHD YUSRAN MOHD YUSOFF



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESISINI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada¹⁶.....(hari bulan)¹⁰..... (bulan) 20...²³..

i. Perakuan pelajar :

Saya, MOHD YUSRAN BIN MOHD YUSOFF, P20142001469, FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMPERANGAN (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk APLIKASI KONSEP RENCAH DALAM KOMPOSISI ART SONG MENGGUNAKAN PUISI MELAYU TERPILIH

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR. KAMARULZAMAN BIN MOHAMED KARIM (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk

APLIKASI KONSEP RENCAH DALAM KOMPOSISI ART SONG MENGGUNAKAN PUISI MELAYU TERPILIH

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah DOKTOR FALSAFAH - KOMPOSISI MUZIK (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

16/10/2023

Tarikh

Tandatangan Penyelia

DR KAMARULZAMAN BIN MOHAMED KARIM
Pensyarah DSS1
Fakulti Muzik dan Seni Persembahan
Universiti Pendidikan Sultan Idris



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: APLIKASI KONSEP RENCAH DALAM KOMPOSISI ART SONG
MENGGUNAKAN PUISI MELAYU TERPILIH

No. Matrik / Matric's No.: P20142001469

Saya / I: MOHD YUSRAN BIN MOHD YUSOFF

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 16/10/2023

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

DR KAMARULZAMAN BIN MOHAMED KARIM
Pensyarah DSS1
Fakulti Muzik dan Seni Persembahan
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji dan syukur hanya kepada Allah S.W.T, selawat dan salam ke atas junjungan besar nabi Muhammad S.A.W. Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya penulisan ini dapat dilengkapkan.

Terima kasih yang tidak terhingga terutamanya kepada kedua-dua ibu bapa saya Mohd Yusoff bin Hashim dan Ramlah bt Ahmad, serta adik-adik yang dikasih Mohd Yusrin, Yusrini, dan Yusnira yang tidak putus mendoakan sedari awal penulisan ini dibuat sehingga sekarang.

Tidak dilupakan kepada isteri yang tercinta Noorhazida Ab. Wahab, terima kasih kerana terus-menerus mendoakan, bersabar, dan tabah dalam menunggu saya menyiapkan penulisan ini. Penulisan ini juga adalah satu dedikasi buat kedua-dua orang anak saya iaitu Yazeed dan Yaseer.

Terima kasih juga dirakamkan kepada penyelia utama dan penyelia bersama iaitu Dr. Kamarulzaman Mohamed Karim dan Prof. Zaharul Laillidin Saidon yang banyak bersabar dalam membantu, memberi peluang serta tunjuk ajar selama ini.

Turut tidak dilupakan kepada rakan-rakan yang memberikan sokongan dan dorongan dari awal seperti Dr. Colleen Wong, Dr. Christine Amri Zane, dan Rozinah Mazlan yang banyak memberikan kata-kata semangat terutamanya sewaktu saya menemui jalan yang buntu.

Terima kasih juga buat sahabat-sahabat yang banyak menolong memberikan sokongan dan pelbagai pertolongan tatkala berada di dalam kesusahan dan sewaktu memerlukan. Kalian merupakan sahabat dunia dan akhirat. Saya juga ingin mendedikasikan karya-karya ini buat sahabat baik Nurfaizal Fariz Sahdan yang baru sahaja kembali ke rahmatullah pada bulan April 2022 yang lalu. Benar kata pepatah Melayu bahawa “*hutang budi dibawa mati*”.

Akhir kalam, sekalung penghargaan buat rakan-rakan yang membantu menjayakan rakaman resital akhir terutamanya kepada para penyanyi solo (Lilis Syafiza Md Yatim, Nurul Nadiah Awang, Nur Hidayah Jamaludin, Rabi'atul Raba'ah Baharuddin, Ahmad Suffian Mohd Pauzi, Muhammad Fazmirul Azree Mazlan) dan *big boss* ATASbyBijanFX studio iaitu Muhammad Najib Abd. Shukor yang telah banyak memberikan tenaga dan meminjam masa bagi menggunakan studio bagi menyiapkan rakaman resital. Terima kasih juga kepada Dr. Fairuz Zamani yang banyak membantu menyemak skor piano dan juga sudi menolong untuk bekerjasama dalam membuat rakaman resital. Selagi ada kudrat, jasa kalian pasti akan diingati sepanjang hayat.





ABSTRAK

Inspirasi penciptaan *art song* Melayu ini bermula dengan melihat fenomena genre *art song* yang didominasi oleh penggunaan puisi dalam bahasa bukan Melayu. Genre ini yang dikenali sebagai *lied* secara umumnya terbit dari negara Jerman dan telah mendapat liputan dari pelbagai negara sekitarnya, juga mendapat impaknya di benua Asia, khususnya di negara Indonesia. Hasil daripada pemerhatian tersebut, saya merasakan genre ini berpotensi untuk berkembang maju terutamanya dari sudut kreativiti penulisan muzik di mana kelompongan ini boleh diisi dengan melakukan percampuran bersama idea muzik tradisional Melayu Asli. Dengan menggunakan pendekatan *practice-based research* (PBR), kajian ini bertujuan mencadangkan sebuah kerangka baharu (RENCAH) yang dijadikan sebagai konsep penciptaan karya. Konsep RENCAH merupakan suatu konsep gabungan idea muzik Melayu Asli dan teori muzik. Hasil kajian ini adalah 10 buah *art song* Melayu baharu yang menggunakan puisi Melayu terpilih yang menggunakan idiom seperti joget, zapin, inang, dan asli. Selain dapat menambahkan koleksi repertoire *art song* Melayu, satu kerangka komposisi telah dibentuk melalui konsep ini bagi penciptaan *art song* berdasarkan idiom muzik Melayu. Dengan ini para komposer dan pengkaji dapat memanfaatkan penggunaan kerangka komposisi ini pada masa akan datang.





APPLICATION OF THE CONCEPT RENCAH IN ART SONG COMPOSITION UTILIZING SELECTED MALAY POEMS

ABSTRACT

The inspiration for composing Malay art songs begins after examining the phenomenon of the genre itself, which is dominated by the usage of non-Malay poetry. In general, lied the other name for art song in Germany has been popular throughout European countries and has also found a home on the Asian continent, particularly in Indonesia. Based on these observations, I believe that this genre has the potential to thrive, particularly in terms of musical creativity, where this gap can be filled by integrating musical ideas from traditional Malay Asli music. In general, traditional Malay music, rich in idioms, inspired me to create a new Malay art song by integrating it into the mould of the art song genre itself, which is from Western Classical music. The result of this combination creates a ‘spice’ which is the concept of the creation of the work in this study. Using a practice-based research (PBR) approach, this study aims to propose a new framework (RENCAH) that serves as a concept for creating works. RENCAH concept is a combination of ideas from Malay Asli music and music theory. The result of this study is 10 new Malay art songs utilizing chosen Malay poetry with the usage of idioms such as *joget*, *zapin*, *inang*, and *asli*. Beside contributing to the body of Malay art song repertory, the research had set a compositional framework for the said Malay idioms. Future composers and researchers could possibly adopt the proposed framework in this dissertation.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
SENARAI PETIKAN	xv
GLOSARI	xxi
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Latar belakang Pengkaryaan	1
1.2 Dorongan Penciptaan	2
1.3 Skop	6
1.4 Objektif Pengkaryaan	7
1.5 Imaginasi dan Kreatif	7
1.5.1 Idea Muzikal	8
1.5.2 Idea Persembahan Muzik	9





BAB 2 SOROTAN LITERATUR DAN KARYA KREATIF

2.1	Kelompangan karya art song Melayu	11
2.2	Art Song – Eropah dan Asia Timur	13
2.2.1	Lied	13
2.2.2	Mélodie	15
2.2.3	Gagok	15
2.2.4	Seriosa	16
2.3	Muzik Melayu Asli	17
2.4	Puisi Melayu	18
2.5	Tinjauan Karya Ilmiah	18
2.5.1	Proses Artistik	19
2.5.1.1	Puisi	19
2.5.1.2	Form	21
2.5.1.3	Piano	22
2.5.1.4	Melodi dan Motif	22
2.5.1.5	Harmoni	23
2.5.1.6	Ritma dan Meter	24
2.5.2	Idea Muzik Melayu Asli	24
2.5.2.1	Asli	25
2.5.2.2	Inang	25
2.5.2.3	Zapin	26
2.5.2.4	Joget	27
2.5.2.5	Patah Melayu Asli	28
2.6	Tinjauan Karya Seni	29
2.6.1	Erlkönig	29
2.6.2	Kennst du das Land (Do You Know the Land)	32





2.6.3 Le Bestiaire ou Cortege d'Orphee (The Book of Beasts or the Procession of Orpheus)	34
2.6.4 Der Hirt auf dem Felsen (The Shephard on the Rock)	37
2.6.5 Kasih dan Pelukis	38
2.6.6 Gopunguisang (Traditional Attire)	40
2.6.7 Pampamapa	41

BAB 3 PROSES KREATIF DAN PERKEMBANGAN KONSEP

3.1 Practice-Based Research	46
3.2 Proses Pengumpulan Data Penciptaan	47
3.3 Proses Artistik Penciptaan	49
3.3.1 Pendekatan 1: Penggunaan Teori Tonal	50
3.3.2 Pendekatan 2: Pemahaman Teks Puisi	50
3.3.3 Pendekatan 3: Refleksi Emosi	53
3.3.4 Pendekatan 4: Adaptasi Ritma Puisi dan Idiom Tradisional	54
3.3.5 Pendekatan 5: Eksperimentasi terhadap Tanda Masa	55
3.3.6 Pendekatan 6: Asimilasi Pola Ritma Idiom Tradisional Melayu	55
3.4 Perkembangan Konsep	56



BAB 4 PENJELASAN DAN KOMENTAR KARYA

4.1 Karya 1: Korban Tanah Air	60
4.2 Karya 2: Kekasih	67
4.3 Karya 3: Mahasiswa	74
4.4 Karya 4: Selat Melaka	80
4.5 Karya 5: Bahasa Bonda	84
4.6 Karya 6: Pantun	90
4.7 Karya 7: Kasih Tak Sampai	94





4.8	Karya 8: Pada Tanah Ini	100
4.9	Karya 9: Mimpi	107
4.10	Karya 10: Sebuah Cahaya Di Hujung Pasir	115

BAB 5 KESIMPULAN, REFLEKSI, DAN CADANGAN

5.1	Kesimpulan	121
5.2	Refleksi	125
5.3	Cadangan	129

RUJUKAN

LAMPIRAN	142
-----------------	-----





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xi

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
------------	------------

5.1	Ringkasan jadual bagi karya <i>art song</i> Melayu baharu	124
-----	---	-----



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
3.1 Proses artistik penciptaan semasa berkarya	56
3.2 Gambaran konsep kerangka RENCAH	57
4.1 Petikan sajak <i>Korban Tanah Air</i>	61
4.2 Petikan sajak <i>Kekasih</i>	68
4.3 Petikan sajak <i>Mahasiswa</i>	74
4.4 Petikan sajak <i>Selat Melaka</i>	80
4.5 Petikan sajak <i>Bahasa Bonda</i>	85
4.6 Petikan sajak <i>Pantun</i>	90
4.7 Petikan sajak <i>Kasih Tak Sampai</i>	96
4.8 Petikan sajak <i>Pada Tanah Ini</i>	101
4.9 Petikan sajak <i>Mimpi</i>	108
4.10 Petikan sajak <i>Sebuah Cahaya di Hujung Pasir</i>	115





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xiii

SENARAI SINGKATAN

PBR

Practice-based research



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xiV

SENARAI LAMPIRAN

- A TEKS PUISI**
- B GAMBAR PROSES RAKAMAN DI STUDIO**
- C POSTER RESITAL AKHIR DAN SINOPSIS KARYA**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI PETIKAN

No. Petikan		Muka Surat
2.1	Contoh asas rentak Asli	25
2.2	Contoh asas rentak Inang	26
2.3	Contoh lain rentak asas Inang	26
2.4	Contoh asas rentak Zapin	27
2.5	Contoh asas rentak Joget	27
2.6	Bar 1-4 Pembukaan lagu <i>Erlkönig</i> yang menggambarkan derapan kaki kuda.	30
2.7	Penukaran stail pada irungan piano <i>Erlkönig</i>	30
2.8	Penukaran stail dan tekstur pada irungan piano <i>Erlkönig</i>	30
2.9	Melodi watak ayah yang berjulat rendah	31
2.10	Melodi watak anak yang berjulat tinggi	31
2.11	Melodi watak <i>Erlkönig</i>	31
2.12	Pembukaan vokal yang didukung oleh ritma irungan piano yang sama di dalam menyokong pergerakan melodi	32
2.13	Penukaran tanda nada pada bar 13	33
2.14	Penukaran tanda masa dari 3/4 sebelum ini kepada 9/8	33
2.15	Ostinato kromatik secara menurun di bahagian klef bass irungan piano pada lagu <i>La Dromadare</i>	34
2.16	<i>Irregular phrase</i> di bahagian melodi lagu <i>La Chevre Du Thibet</i> ini menggambarkan maksud perbandingan antara <i>Golden fleece</i> dengan rambut kekasih Jason	35





2.17	Lagu <i>La Sauterelle</i> menggambarkan mengenai belalang di mana dua bar yang terakhir mempunyai corak melodi yang sama dan hanya bermain dengan dua notasi melodi yang menggambarkan sayap belalang yang kecil	36
2.18	Intro lagu <i>Der Hirt auf dem Felsen</i> pada piano	37
2.19	<i>Cadenza</i> pada klarinet	37
2.20	Melodi daripada klarinet dan soprano	38
2.21	Progresi kord I – v pada bar 5-6	39
2.22	Dekorasi <i>borrowed chords</i>	39
2.23	Unsur lengkok / cengkok pada melodi	39
2.24	Notasi pembukaan lagu <i>ala</i> memetik <i>gayageum</i> pada bar 1-2 dan adaptasi rentak tari muzik tradisional Korea pada bar 3-4	40
2.25	Teknik <i>glissando</i> pada melodi vokal	41
2.26	Motif rentak awal pada intro lagu <i>Pampamapa</i>	42
2.27	Petunjuk <i>meno</i> pada melodi soprano	42
2.28	Motif <i>triplet</i> pada akhir lagu	43
4.1	<i>Pedal point</i> dan melodi sokongan pada piano	62
4.2	Penggunaan <i>counter melody</i> pada piano	63
4.3	Penggunaan gabungan gaya <i>syllabic</i> dan <i>melismatic</i> pada bar 42-43	63
4.4	Permulaan pembinaan tekstur pada bahagian B yang menggunakan 2 jenis tanda masa	64
4.5	Contoh eksperimentasi tanda masa pada bar 41-43	65
4.6	Pembinaan kemuncak lagu yang membawa kepada <i>fortissimo</i> di bar 64	66
4.7	Pengakhiran lagu yang menggunakan tempo bebas, petunjuk <i>morendo</i> serta penggunaan oktaf di akhir lagu	66
4.8	Contoh melodi <i>stepwise</i> dan <i>leapwise</i> serta ornamentasi dalam Melodi	69





4.9	Penggunaan gaya <i>syllabic</i> dalam karya <i>Kekasih</i> pada bar 6-10	69
4.10	Lakaran idea awal pada bahagian B	70
4.11	Lakaran idea akhir pada bahagian B	71
4.12	Kemuncak lagu pada bar 40	72
4.13	Penggunaan dua koda	72
4.14	Penggunaan harmoni quartal pada bar 52	73
4.15	Penggunaan <i>secundal</i> di bahagian tangan kiri piano pad komposisi lagu <i>Mahasiswa</i>	75
4.16	Penggunaan tanda masa berbeza dalam lagu <i>Mahasiswa</i>	75
4.17	Penggunaan gaya <i>syllabic</i> dalam karya <i>Mahasiswa</i> pada bar 48	76
4.18	Penggunaan gaya <i>melismatic</i> dalam karya <i>Mahasiswa</i> pada bar 51-52	76
4.19	Petunjuk melodi pada bahagian tangan kiri piano sebelum penyanyi masuk serta petunjuk rentak inang pada bahagian tempo.	77
4.20	Contoh eksperimentasi tanda masa pada bar 28-32 dalam karya <i>Mahasiswa</i>	77
4.21	Konsep asimilasi rentak joget dalam karya <i>Mahasiswa</i> pada bar 1-4	78
4.22	Konsep asimilasi rentak Inang dalam karya <i>Mahasiswa</i> pada bar 44-46	78
4.23	<i>Cadenza</i> atau improvisasi kecil pada bahagian vokal	79
4.24	Lakaran awal idea pembukaan lagu <i>Selat Melaka</i>	81
4.25	Lakaran akhir idea pada pembukaan lagu <i>Selat Melaka</i>	82
4.26	Pergerakan melodi dan <i>canon</i> melodi pada bahagian A	82
4.27	Pergerakan melodi dan <i>rhythmic imitation</i> pada bahagian B	83





4.28	Penggabungan gaya <i>melismatic</i> dan ornamentasi dalam karya <i>Selat Melaka</i> pada bar 57-61	83
4.29	Penggunaan gaya <i>syllabic</i> dalam karya <i>Selat Melaka</i> pada bar 46-52	84
4.30	Adaptasi rentak asas Zapin di dalam piano	86
4.31	Penggunaan gaya <i>syllabic</i> dalam karya <i>Bahasa Bonda</i> pada bar 8-10	86
4.32	Gabungan penggunaan gaya <i>syllabic</i> dan <i>melismatic</i> dalam karya <i>Bahasa Bonda</i> pada bar 18-19	86
4.33	Persamaan motif pembukaan melodi pada bahagian A dan A'	87
4.34	<i>Imperfect cadence</i> pada akhir melodi bahagian A	88
4.35	<i>Perfect cadence</i> pada akhir melodi bahagian A'	88
4.36	Konsep imitasi rentak Zapin dalam karya <i>Bahasa Bonda</i> pada bar 8-9	89
4.37	Implementasi pelbagai jenis harmoni serta asimilasi rentak joget	91
4.38	Melodi dan ornamentasi pada baris pertama rangkap pertama	92
4.39	Melodi dan ornamentasi pada baris kedua rangkap pertama	92
4.40	Gaya <i>melismatic</i> pada lagu <i>Pantun</i>	93
4.41	Penggunaan gaya <i>syllabic</i> pada melodi bahagian B lagu <i>Pantun</i>	93
4.42	Melodi pada bahagian vokal dan piano yang bertingkah	94
4.43	Melodi pembukaan dan ornamentasi lengkok pada klarinet dan piano	96
4.44	Contoh <i>canon</i> pada piano dan <i>counter melody</i> pada klarinet	97
4.45	Penggunaan gaya <i>melismatic</i> sebagai ornamentasi dalam lagu <i>Kasih Tak Sampai</i>	97





4.46	Pembukaan bahagian B yang dimulakan dengan klarinet	98
4.47	Kemuncak lagu <i>Kasih Tak Sampai</i>	98
4.48	<i>Cadenza</i> pada klarinet	99
4.49	Dekorasi tanda <i>freely</i> memberikan ruang berekspresi pada penyanyi	99
4.50	Mod major pada akhir lagu <i>Kasih Tak Sampai</i>	100
4.51	<i>Diminished chords</i> yang terdapat dalam karya Chopin pada bar 62-72	102
4.52	Lakaran awal idea asal rentak lagu	103
4.53	Idea tetap yang diubah daripada idea asal	103
4.54	Penggunaan kord Tristan pada intro komposisi lagu <i>Pada Tanah Ini</i>	104
4.55	Penggunaan skala <i>whole-tone</i> pada bar 9	104
4.56	Penggunaan dua tanda masa pada bahagian B	105
4.57	Penggunaan gaya <i>syllabic</i> dalam karya <i>Pada Tanah Ini</i> pada bar 37-38	105
4.58	Penggunaan gaya <i>melismatic</i> di dalam karya <i>Pada Tanah Ini</i> pada bar 44	105
4.59	Contoh skala sintetik C atau <i>C synthetic scale</i> yang digunakan di bahagian bass clef pada piano dalam lagu <i>Pada Tanah Ini</i>	106
4.60	<i>Koda</i> komposisi lagu <i>Pada Tanah Ini</i>	106
4.61	Dekorasi arpeggios dan oktaf tinggi pada piano	109
4.62	Dekorasi harmoni berdasarkan kord dan dekorasi melodi pada bahagian piano	110
4.63	Contoh <i>rhythmic imitation</i> pada lagu <i>Mimpi</i>	110
4.64	Penggunaan gaya <i>syllabic</i> dan <i>melismatic</i> pada awal lagu <i>Mimpi</i>	111
4.65	Penggunaan gaya <i>syllabic</i> pada hujung kemuncak lagu <i>Mimpi</i>	111





4.66	Pembukaan berentak zapin pada bahagian B	111
4.67	Perbezaan antara dua notasi pada <i>volta bracket pertama</i> dan <i>kedua</i>	112
4.68	Perubahan ritma dan <i>voicing</i> yang menuju ke arah kemuncak lagu	113
4.69	Permulaan bahagian C dengan penggunaan tanda <i>8ve</i>	114
4.70	Pengulangan intro dan kord akhir E major pada akhir lagu	114
4.71	Penggunaan dua gaya <i>syllabic</i> dan <i>melismatic</i> pada baris pertama	116
4.72	Progresi kord <i>bVI – V – V+</i>	116
4.73	Contoh asimilasi rentak inang pada intro piano	117
4.74	Contoh asimilasi rentak inang pada kedua belah tangan kiri dan kanan	117
4.75	Contoh asimilasi rentak inang serta penggunaan <i>canon</i> dan <i>rhythmic imitation</i>	117
4.76	Penggunaan <i>chromatic mediant</i> serta permulaan progresi kord IV dalam pendekatan berbentuk <i>arpeggio</i>	118
4.77	Penggunaan <i>tonicization</i> dan <i>secondary diminished 7th</i>	119
4.78	Penggunaan progresi kord <i>bVI – bVII – I</i> dan <i>A Tempo</i>	119





GLOSARI

<i>Bel canto</i>	Nyanyian merdu dalam bahasa Itali. Gaya nyanyian yang menekankan keindahan suara.
<i>Cadenza</i>	Solo yang kebiasaannya ditulis dalam sesebuah karya komposisi muzik klasik.
<i>Canon</i>	Bentuk komposisi muzik di mana sebuah melodi atau tema muzik diulang secara berasingan oleh beberapa bahagian muzik yang berbeza pada masa yang berlainan, menghasilkan pola harmoni dan ritma yang menarik.
<i>Chromatic mediant</i>	Hubungan antara dua kord yang berbentuk terletak pada interval ketiga atau ketujuh daripada satu sama lain dan mempunyai kualiti yang sama dan mempunyai struktur nada yang sama atau hampir sama, tetapi mempunyai nada yang berbeza secara chromatic (naik atau turun setengah nada)
<i>Counter melody</i>	Melodi tambahan yang dimainkan bersamaan dengan melodi utama.
<i>Idiom</i>	Ekspresi gaya atau bahasa khas dalam sesebuah genre muzik
<i>Irregular phrase</i>	Frasa muzik yang tidak mempunyai pola ritma yang tetap atau teratur
<i>Kromatik</i>	Not yang di luar daripada skala diatonik
<i>Leapwise</i>	Pergerakan not yang melebihi satu tahap
<i>Melismatic</i>	Gaya nyanyian yang mempunyai satu suku kata kepada beberapa not
<i>Ornamentasi</i>	Hiasan di dalam melodi yang berbentuk penambahan atau modifikasi
<i>Ostinato</i>	Frasa melodi pendek yang berulang
<i>Pedal point</i>	Not yang berterusan terutamanya pada bahagian bass
<i>Quartal harmony</i>	Himpunan kord dalam interval empat





<i>Secundal</i>	Himpunan kord dalam interval dua
<i>Stepwise</i>	Pergerakan satu not ke satu not yang bersebelahan
<i>Syllabic</i>	Gaya nyanyian yang mempunyai satu suku kata kepada satu not
<i>Synthetic scale</i>	Satu skala sintetik yang terbina dan diolah daripada skala major / minor
<i>Tonicization</i>	Satu konsep dalam teori muzik di mana satu nada atau kord yang bukan tonik diberi penekanan atau penonjolan sementara, memberikan kesan sementara bahawa nada atau kord tersebut adalah tonik
<i>Volta bracket</i>	Tanda yang digunakan dalam notasi muzik untuk menunjukkan ulangan atau pengulangan bahagian dari sesebuah lagu atau komposisi.
<i>Whole tone</i>	Not yang mempunyai jarak sebanyak dua semiton pada setiap not





BAB 1

PENGENALAN

Tujuan kajian ini adalah untuk menghasilkan karya baharu *art song* yang berlandaskan daripada penggunaan idea muzik Melayu Asli dengan menggunakan teknik komposisi muzik Barat. Sehubungan itu, pada bab ini saya telah membahagikan kepada lima kategori yang membincangkan mengenai – 1) latar belakang pengkaryaan, 2) dorongan penciptaan, 3) skop, 4) objektif pengkaryaan, dan 5) imaginasi dan kreatif.

1.1 Latar belakang Pengkaryaan

Art song merupakan sejenis komposisi muzik yang berasaskan pada dua subjek utama iaitu penyanyi solo dan piano. Kamien, R. (Kamien, 2000; Merriam-Webster, n.d) menyatakan bahawa *art song* merupakan sebuah karya komposisi untuk penyanyi solo dan piano. Turp (2018) menyebut bahawa komposer *art song* menggunakan puisi yang





mempunyai nilai sastera yang tinggi untuk dinyanyikan secara solo dan mempunyai irungan piano atau *piano accompaniment* yang tersendiri dan ia bersifat bukanlah irungan semata-mata. Menurut Ziyue (2019), *art song* merupakan suatu integrasi antara puisi dan *accompaniment* (iringan) yang menggunakan piano. Komposisi muzik *art song* juga turut melibatkan penggunaan puisi sebagai teks nyanyian. Cincinnati Song Initiative (2019) juga ada menyebut bahawa *art song* selalunya ditulis untuk satu suara dan diiringi oleh piano dan selalunya berasaskan kepada muzik klasikal Barat. Genre ini dipersembahkan dalam bentuk konsert yang kebiasaannya berbentuk persembahan resital. Cincinnati Song Initiative juga menyatakan bahawa *art song* moden mulai berputik pada pertengahan abad ke-16 di mana penyanyi mula memfokus kepada inti pati di dalam *art song* tersebut semasa menyanyi. Ekspresi dan pemahaman yang lebih mendalam semasa menyanyi juga lebih dititikberatkan berbanding sebelum ini.



1.2 Dorongan Penciptaan

Dorongan awal penciptaan karya baharu ini diilhamkan melalui cetusan idea awal semasa saya melanjutkan pengajian sarjana di Korea Selatan (2008-2012). Saya telah diberikan tugas oleh penyelia di mana tugas tersebut adalah untuk menciptakan sebuah komposisi *art song* yang menggunakan puisi bahasa Melayu. Memikirkan keadaan tersebut, saya mula mengimbau kembali saat waktu pembelajaran di peringkat diploma (2001-2004) dan sarjana muda (2004-2006), di mana saya perhatikan pelajar-pelajar yang mengambil jurusan vokal, rata-ratanya menggunakan karya-karya daripada komposer-komposer Barat dan juga karya-karya daripada komposer-komposer Indonesia. Rentetan daripada peristiwa itu, saya bertanyakan pada diri sendiri





apakah negara kita sendiri tidak mempunyai karya *art song* dan bagaimanakah negara jiran kita iaitu Indonesia boleh mempunyai karya *art song* yang banyak dan telah pun menjadi salah satu norma dalam kebudayaan masyarakat Indonesia sendiri. Hal ini membuatkan saya mencuba untuk membuat satu eksplorasi di dalam menggarapkan idea muzik *art song* Barat dan elemen muzik Melayu tradisional agar dapat menghasilkan karya baharu komposisi *art song* setanding dengan karya-karya yang telah terhasil dari Indonesia. Oleh yang demikian, penciptaan awal komposisi *art song* saya pada waktu itu hanyalah pada peringkat dasar serta pemahaman konsep awal sahaja di mana penciptaan itu dilakukan dengan cara mendengar, menganalisis dan imitasi cara atau stail pembuatan *art song* yang berdasarkan karya yang sedia ada.

“Penciptaan seni adalah peristiwa yang merupakan proses bertahap diawali dengan timbulnya satu dorongan yang dialami oleh seorang seniman”

(Djelantik, m.s.74, 1999).

Semasa melakukan pencarian dan pembacaan di dalam mendapatkan idea terhadap penciptaan karya baharu, saya amat tertarik dengan pernyataan di atas. Apa yang telah difahami daripada pernyataan tersebut ialah dorongan awal seseorang komposer merupakan satu refleksi terhadap sesuatu proses penciptaan sesebuah karya. Djelantik (1999) merasakan bahawa penciptaan seni itu harus melalui satu proses penulisan yang berdasarkan kepada dorongan. Maka, proses penciptaan karya yang akan dihasilkan ini juga tidak terlepas daripada suatu dorongan, sekali gus ia wajar untuk dibahaskan pada peringkat awal penulisan ini sebagai sebuah pemikiran kreatif yang membentuk paradigma seorang komposer yang kreatif.



Paradigma merupakan lingkungan atau batasan pemikiran (seseorang atau sesuatu organisasi) pada sesuatu masa yang dipengaruhi oleh pengalaman, pengetahuan, kemahiran, dan kesedaran yang ada (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2016). Dalam erti kata yang lain, ia boleh dikaitkan sebagai cara kita memandang, memikir dan menilai sesuatu. Oleh yang demikian, paradigma yang timbul daripada hasil pemikiran idea awal ini akan dibentuk serta diterjemahkan pada peringkat yang seterusnya.

Dorongan komposisi oleh saya selaku komposer membahagikannya kepada tiga perspektif. Pertama, saya meyakini bahawa repertoire *art song* terutamanya yang mewakili idea muzik Melayu adalah sangat terhad. Ini merujuk kepada hasil dapatan melalui pencarian skor muzik yang sedia ada serta sumber maklumat daripada penggiat

dan penyanyi tempatan. Dapatan skor *art song* akan dipilih berdasarkan gaya dan cara penulisan yang bersesuaian dengan penciptaan karya baru yang bakal ditulis. Keduanya, kemasyhuran puisi-puisi Melayu oleh tokoh-tokoh penulis Malaysia jarang diketengahkan melalui muzik, terutamanya di dalam *art song*. Pemartabatan puisi-puisi Melayu selalunya dilihat daripada persembahan deklamasi puisi di sekolah-sekolah, peringkat-peringkat negeri, dan kebangsaan seperti Sayembara Deklamasi Puisi Kemerdekaan Peringkat Kebangsaan yang dianjurkan setiap tahun oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (Utusan Malaysia, 2018), di peringkat sekolah. Maka, penciptaan komposisi *art song* oleh saya yang berdasarkan puisi-puisi Melayu Malaysia ini secara tidak langsung akan dapat mengangkat dan memartabatkan kembali keindahan puisi-puisi Melayu menerusi karya muzik. Ketiga, saya percaya bahawa suatu konsep penciptaan dapat diwujudkan melalui peletakan idea muzik Melayu Asli ke dalam *art song*. Saya telah menciptakan satu konsep penciptaan yang di namakan sebagai



‘RENCAH’. Melalui konsep baharu ini, saya merasakan bahawa karya *art song* yang unik yang mempunyai ‘rasa’ Melayu dapat dihasilkan dengan melakukan integrasi terhadap idea muzik Melayu Asli ke dalam penciptaan. ‘Rasa’ Melayu ini adalah apabila semua syarat di atas telah di penuhi, maka secara automatik akan terlahirnya ‘rasa’ Melayu ini. Contoh sifat muzik Melayu yang dominan adalah melankoli dan mendayu-dayu. Ini kerana keunikan muzik tradisional Melayu yang dominan pada idiom muziknya, melambangkan estetika muzik Melayu yang bersifat ‘cair’ dan mudah ‘meresap’ dengan idiom muzik lain (Karim, 2016). Sifat ‘cair’ dan mudah ‘meresap’ ini merujuk kepada idiom muzik tersebut di mana sifat yang ada pada muzik tradisional Melayu, terutamanya muzik Melayu Asli tidak berpaksikan pada instrumen yang dimainkan, tetapi bersifat dominan kepada elemen muziknya yang tersendiri, sebagai contoh lengkok pada melodi lagu, rentak lagu, melodi lagu, dan sebagainya. Dengan erti kata yang lain bermaksud idiom muzik Melayu terbentuk daripada campuran idiom yang berbeza dan bergabung menjadi sebuah kesatuan yang unik. Idea ini tercetus setelah saya menemukan beberapa karya *art song* dari negara lain antara contoh seperti Argentina dan Korea Selatan yang mengintegrasikan idiom muzik tradisional mereka ke dalam *art song*. Melalui ketiga-tiga dorongan penciptaan ini, timbulnya persoalan terhadap kajian yang akan dilakukan iaitu;

- a) Apakah langkah utama pengkaryaan *art song* Melayu dapat dibuat?
- b) Apakah jenis puisi yang di gunakan dalam penciptaan?
- c) Apakah konsep komposisi yang boleh digunakan bagi membuat karya *art song* Melayu?





Kesimpulan daripada soalan-soalan ini merupakan titik permulaan dalam mencari arah tuju penghasilan karya *art song* Melayu. Karya-karya *art song* sedia ada akan dipilih dan dianalisis berserta pemilihan idea-idea muzik Melayu akan dilakukan. Justeru itu, saya merasakan bahawa setiap permulaan penciptaan sesebuah karya sama ada gerak langkah dan cara kerja biasanya bermula daripada idea dan ilham yang tercetus dari pelbagai aspek lalu menjadi pendorong kepada permulaan sesebuah proses penciptaan. Sehubungan itu, dalam konteks penciptaan yang akan saya lakukan nanti, segala dorongan ini akan bermetamorfosis dengan menggunakan teknik komposisi yang saya telah pelajari menjadi satu komposisi baharu.

1.3 Skop



Penciptaan ini akan tertumpu kepada tiga skop utama iaitu menganalisis karya *art song* yang terpilih. Walaupun terdapat *art song* yang telah berkembang terutamanya dari segi penggunaan instrumen, saya memilih untuk mengekalkan format asal yang menggunakan penyanyi dan pemain piano. Karya yang dipilih adalah berdasarkan gaya penulisan yang signifikan dengan penciptaan yang akan dilakukan Kedua, pemilihan puisi Melayu yang di rasakan bersesuaian untuk dijadikan karya baharu. Puisi merupakan item yang penting dalam penciptaan, maka puisi akan dipilih daripada hasil penulisan sasterawan negara serta penulis puisi yang di fikirkan sesuai. Ketiga merupakan garapan proses mengintegrasikan idea muzik Melayu Asli ke dalam *art song* dengan mengguna pakai konsep RENCAH. Kaedah garapan ini adalah hasil daripada formula yang saya rasakan sesuai dan tidak semestinya terpakai kepada





komposer-komposer lain kerana setiap komposer pasti mempunyai kaedah atau cara dalam menulis sesebuah karya.

1.4 Objektif Pengkaryaan

Karya komposisi ini akan merujuk kepada tiga objektif yang diketengahkan iaitu:

- a) Mengenal pasti karya *art song* sedia ada dalam menjadikan sumber rujukan penciptaan
- b) Mengkaji puisi Melayu terpilih bagi tujuan penciptaan *art song*
- c) Menghasilkan karya *art song* Melayu baharu menggunakan konsep RENCAH



1.5 Imagination and Kreatif

Secara umumnya, imaginasi seringkali diungkapkan dengan bayangan mahupun ilham.

Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka menyatakan imaginasi merupakan sesuatu yang berkait rapat dengan daya khayal, daya cipta, dan inspirasi. Manakala kreatif secara umum pula banyak yang dirujuk dengan sesuatu penciptaan yang unik. Webster (1990) ada menyatakan bahawa mengimajinasikan sesuatu bunyi bukan sahaja penting malah iaanya bersifat kritikal untuk membolehkan seseorang itu berfikir secara kreatif. Beliau turut menyatakan bahawa seseorang itu perlu mempunyai pemikiran secara *convergent* (persoalan yang mempunyai satu jawapan) dan *divergent* (persoalan yang mempunyai pelbagai jawapan) dalam menghasilkan banyak bunyi (idea). Proses kreatif juga boleh





bermula dengan suatu idea atau kehendak dan berakhir dengan sebuah produk kreatif seperti komposisi (Hickey & Webster, 2001; Webster 1990). Sehubungan itu, sudah pasti saya akan membuat pelbagai eksperimentasi semasa berkarya yang menggunakan gabungan idea-idea penulisan muzik dan persembahan dalam menghasilkan komposisi baharu dan secara tidak langsungnya, saya akan menggunakan hasil pemikiran ini ke dalam dua jenis idea iaitu 1) idea muzikal dan 2) idea persembahan.

1.5.1 Idea Muzikal

Dalam konteks penciptaan *art song*, secara umumnya, seseorang komposer harus memahami isi kandungan sesebuah puisi. Pencarian erti dan makna, berimajinasi serta membaca puisi berulang kali adalah antara proses yang penting di dalam mendapatkan ‘ritma’ dan ‘rasa’ dalam pengkaryaan (Kimball, 2013). Ritma puisi ini adalah dalam konteks pencarian sebutan setiap perkataan yang akan disesuaikan dengan melodi lagu, manakala rasa di sini merupakan suatu bayangan hasil dari maksud ayat-ayat puisi dan diterjemahkan ke dalam melodi. Interpretasi setiap komposer dalam menghasilkan sesebuah karya adalah bersifat subjektif. Oleh itu, saya akan menggabungkan idea, pemahaman, dan pengalaman saya ke atas karya yang dihasilkan. Selain daripada penciptaan melodi lagu, muzik iringan piano atau *piano accompaniment* juga merupakan item yang penting dalam penciptaan sesebuah *art song*. Muzik iringan dari piano ini bukanlah sekadar mengiringi melodi yang terdapat di dalam *art song*, tetapi ia juga merupakan refleksi dan sokongan daripada melodi lagu tersebut.





1.5.2 Idea Persembahan Muzik

Persembahan *art song* secara tradisinya mempunyai struktur dan aturan yang formal.

Aturan persembahan, disiplin di atas pentas, sehinggalah ke busana penyanyi dan pemuzik yang biasanya akan berpakaian kemas dan elegan. Kebiasaan penyanyi dan pemuzik irungan akan naik ke pentas bersama-sama dan memberikan tanda hormat kepada penonton. Program persembahan *art song* biasanya akan mempunyai *intermission* ataupun rehat di antara dua set persembahan kerana kebiasaan dua set lagu ini mempunyai sedikit kelainan dari segi *tone colour* dan stail (Neher,2011).

Sebagaimana konsep persembahan *art song* Barat yang dipersembahkan ke platform berbentuk resital dan konsert, idea persembahan muzik bagi *art song* Melayu masih akan mengekalkan ciri-ciri persembahan yang sama iaitu berkonsepkan persembahan resital dengan menggunakan instrumentasi berbentuk vokal dan piano. Manakala dari segi aspek busana pula, perubahan akan dibuat melalui penggunaan pakaian tradisional Melayu seperti baju Melayu, baju kurung atau baju kebaya akan digunakan sebagai gantian pemakaian tipikal persembahan klasik barat yang kebiasaan mengenakan suit hitam berbaju putih kadangkala lengkap bersama *bow tie* bagi lelaki dan baju gaun atau *dress* bagi wanita.

Kesimpulannya, pengkaryaan *art song* Melayu ini dibuat sejajar dengan hasil persoalan kajian yang timbul, seterusnya berpaksikan kepada tiga objektif yang telah diuraikan pada awal penulisan. Konsep *RENCAH* ini akan diimplementasikan terhadap setiap proses pengkaryaan. Sehubungan itu, ciri-ciri *art song* Melayu yang akan dibuat masih mengekalkan ciri-ciri tradisi yang sedia ada seperti gaya nyanyian





bel canto, melodi, harmoni, struktur, dan *form* seperti dalam karya *art song* klasik barat tetapi akan diintegrasikan dengan gabungan idiom dan idea daripada muzik Melayu Asli seperti rentak inang, zapin dan joget. Gabungan ini merupakan suatu eksperimentasi penting di dalam mencari arah tuju dalam penghasilan *art song* Melayu seterusnya dapat menerbitkan identiti baru dalam penciptaan *art song* ini.

